

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA**

**MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1978**

---

**PENYATUAN PERKHIDMATAN DALAM JAWATAN  
PERSEKUTUAN DI SABAH DAN SARAWAK**

**PEMBATALAN ELAUN KHAS BERTUGAS DI SABAH  
DAN SARAWAK**

Adalah dimaklumkan bahawa serentak dengan penguatkuasaan penyemakan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978, Kerajaan akan melaksanakan penyatuan sepenuhnya bagi perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Jabatan-jabatan Persekutuan dan Jabatan-jabatan Yang Dipersekutukan di bawah sekim-sekim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa di Jabatan-jabatan Persekutuan di Semenanjung Malaysia. Sekelian pegawai yang berpindah ke tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah sekim-sekim perkhidmatan yang tertakluk kepada penyatuan di bawah sekim-sekim perkhidmatan yang berkuatkuasa akan diletak di bawah tadbiran dan boleh ditukarkan untuk bertugas di mana-mana sahaja sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Jabatan berkenaan.

2. Mulai daripada 1hb Julai, 1978 Ketua-ketua Pengarah Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi kawalan, pengurusan dan tadbiran Cawangan Jabatan masing-masing di Negeri Sabah dan di Negeri Sarawak sepertimana tanggungjawab mereka mengurus dan mentadbirkan Cawangan-cawangan Ibu Pejabat di Semenanjung Malaysia. Sepertimana Ketua-ketua Pengarah Jabatan mempunyai kewajipan dan tanggungjawab kepada Menteri Besar/Ketua Menteri sebagai Pegawai Pengurus Kerja Terkanan di dalam sesebuah negeri dan kepada Setiausaha Kerajaan sebagai Ketua Pegawai Menjaga Hal Ehwal Tadbiran Negeri, Ketua-ketua Pengarah Jabatan akan mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang serupa kepada Ketua-ketua Menteri dan Setiausaha Tetap kepada Ketua Menteri di Sabah dan Setiausaha Kerajaan Sarawak dalam penyelarasan dasar dan pelaksanaan tugas Jabatannya di negeri-negeri itu. Tugas-tugas Ketua Jabatan di bawah mana-mana perintah am dan arahan pentadbiran, jika perlu, bolehlah dilakukan oleh Pengarah Jabatan di Negeri Sabah dan di Negeri Sarawak dengan penurunan kuasa yang teratur (bertulis) oleh Ketua Pengarah Jabatan.

3. Menurut Perlembagaan Persekutuan, pihak berkuasa mengenai perlington, pengesahan dan perletakan ke dalam perjawatan berpencen, kenaikan pangkat, penukaran perkhidmatan dan kawalan tatatertib di Negeri Sabah dan Sarawak ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Pasukan Polis dan Cawangan-cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Sabah dan Sarawak. Perhubungan mengenai perkara-perkara tersebut hendaklah dialamatkan kepada Suruhanjaya yang berkenaan. Cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mempunyai urusetia masing-masing. Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1972 di bawah P.U. (A) 47 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam, 1972 di bawah P.U. (A) 48 yang diterbitkan dalam *Warta Kerajaan Tambahan* 11 Perundangan (A) bertarikh 24hb Februari, 1972 belum lagi dilanjutkan ke Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dan oleh hal yang demikian itu tiada berkuatkuasa.

#### **Keistimewaan dan Pelonggaran Syarat-syarat di dalam Sekim-sekim Perkhidmatan**

4. Walaupun sekim-sekim perkhidmatan akan dipersamakan dengan sekim-sekim perkhidmatan di Jabatan Persekutuan yang telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia, keistimewaan seperti berikut telah dipersetujui:

##### *(i) Kekananan*

Kekananan pegawai yang dipersekutukan yang setuju-terima tanggungaji bersih baharu dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah pekeliling ini adalah ditentukan mengikut tarikh mereka dilantik atau kenaikan pangkat ke jawatan mereka sekarang. Jika terdapat tarikh kekananan yang sama antara seorang pegawai dengan yang lain, maka bagi pegawai yang dilantik terus ke jawatan yang berkenaan tarikh kekananannya akan ditentukan mengikut umur, yakni mana yang tua adalah lebih kanan. Kekananan anggota yang dinaikkan pangkat adalah ditetapkan oleh susunan merit yang ditentukan oleh Pihakberkuasa Kenaikan Pangkat dan jika tiada susunan tersebut, apabila 2 pegawai dalam perkhidmatan yang sama dinaikkan pangkatnya ke gred yang sama pada satu tarikh yang sama, susunan kekananan antara keduanya adalah ditentukan oleh tarikh kenaikan pangkatnya sebelum kenaikan pangkat yang berkenaan, atau jika tiada, oleh tarikh lantikannya ke dalam jawatan.

##### *(ii) Kenaikan Pangkat*

Selama lima tahun dari tarikh 1hb Julai, 1978 jawatan-jawatan kenaikan pangkat dalam Jabatan-jabatan Persekutuan dan Jabatan-jabatan Yang Dipersekutukan akan dipertandingkan antara pegawai-pegawai tempatan selagi ada yang telah memenuhi syarat untuk dipertimbangkan di bawah sekim kenaikan pangkat. Pegawai-pegawai tempatan yang asalnya dilantik di Negeri Sabah dan

Sarawak boleh juga dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat di bawah Sekim itu untuk mengisi kekosongan di Semenanjung tetapi tiada dengan kelonggaran syarat. Kenaikan pangkat pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia untuk mengisi kekosongan jawatan kenaikan pangkat di Sabah dan Sarawak hanya boleh dipertimbangkan setelah didapati tiada pegawai tempatan yang memenuhi syarat kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi.

(iii) *Perlonggaran Sekim-sekim Perkhidmatan*

Selama lima tahun dari tarikh 1hb Julai, 1978 syarat kelayakan masuk untuk mengisi jawatan-jawatan dalam Jabatan Persekutuan dan Jabatan-jabatan Yang Dipersekutukan, jika perlu, boleh dilonggarkan dengan persetujuan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk memberi peluang kepada calon-calon tempatan yang bermastautin dari Sabah atau Sarawak dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan.

**Pembatalan Elaun Bertugas**

5. Mulai daripada 1hb Julai, 1978 Elaun Bertugas yang dimaksudkan oleh Perintah Am Bab "B" adalah ditarikbalik dan dibatalkan. Hanya pegawai-pegawai yang telah diluluskan bayaran Elaun Khas Bertugas ketika diarahkan bertukar ke Sabah atau Sarawak dari Semenanjung atau sebaliknya dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung adalah dibenarkan terus menerima elaun yang diluluskan sehingga akhir tempoh penempatannya di bawah arahan yang berkuatkuasa itu. Apabila arahan bertukar stesyen bertugas yang baru dikeluarkan, bayaran Elaun Khas Bertugas di Sabah dan di Sarawak dan demikian juga di Semenanjung akan ditamatkan mulai dari tarikh melaporkan diri berikutan dengan perintah pertukaran itu.

**Bayaran Elaun Wilayah**

6. Semua pegawai yang bertugas di Sabah dan di Sarawak adalah layak untuk menerima Elaun Wilayah menurut kadar-kadar yang ditetapkan. Pegawai-pegawai yang diarahkan bertukar ke Sabah atau ke Sarawak dari Semenanjung selepas daripada 30hb Jun, 1978 akan dibayar Elaun Wilayah. Sebaliknya pegawai-pegawai yang ditukarkan dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung selepas tarikh tersebut akan berhenti menerima Elaun Wilayah mulai dari tarikh mereka melaporkan diri di stesyen bertugas di Semenanjung berikutan dengan perintah pertukarannya dari Sabah atau Sarawak. Kadar bayaran Elaun Wilayah adalah seperti berikut :

Lingkungan Gaji				Elaun berasaskan % gaji yang diterima
Di bawah \$285	...	...	...	25%
\$ 285-\$ 484	...	...	...	22½%
\$ 485-\$ 864	...	...	...	20%
\$ 865-\$1,084	...	...	...	17½%

Lingkungan Gaji	Elaun berasaskan % gaji yang diterima
\$1,805-\$2,865 ... ..	15%
\$2,965 ke atas ... ..	12½%

### **Tambang Kapal terbang untuk Melawat Keluarga**

7. Kemudahan tambang kapal terbang Kelas Ekonomi yang ditanggung oleh Kerajaan untuk balik ke tempat asal di wilayah permulaan diambil bekerja, bagi melawati ibu/bapa atau ibu/bapa isteri yang sakit tenat adalah diluluskan atas sebab-sebab belas kesihan. Kemudahan tambang kapal terbang Kelas Ekonomi adalah juga boleh diberi kepada anak-anak pegawai yang tidak turut serta dengan pegawai itu ke tempat bertugas untuk melawat bapa atau ibu mereka yang sakit tenat dengan syarat kemudahan penerbangan itu tidak pernah digunakan bagi maksud berpindah mengikut bapa mereka ke tempat bertugas di wilayah yang lain daripada wilayah pengambilan asalnya. Pegawai-pegawai yang layak mendapat kemudahan penerbangan Kelas I boleh menikmati kemudahan tersebut tetapi kemudahan yang diberi kepada ahli keluarganya hanyalah tambang Kelas Ekonomi. Bagi maksud perenggan ini "wilayah" ertinya Semenanjung Malaysia, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

### **Tambang Kapal terbang bagi Mayat Pegawai atau Ahli Keluarga Pegawai Persekutuan**

8. Jika dibuat permintaan oleh warith apabila seseorang Pegawai Persekutuan meninggal dunia di stesyen ia bertugas yang di luar dari wilayah ia diambil bekerja pada mulanya, Kerajaan akan menanggung perbelanjaan tambang kapal terbang untuk membawa jenazah pegawai tersebut bagi dikebumikan di kampungnya. Tambang pengangkutan termasuk satu tambang kapal terbang Kelas Ekonomi yang ditanggung oleh Kerajaan adalah juga diluluskan bagi seorang dari ahli keluarga pegawai berkenaan untuk mengiringi jenazah pegawai itu dibawa balik ke kampung untuk dikebumikan. Bagi maksud perenggan ini "wilayah" ertinya Semenanjung Malaysia, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

*(Minda SPP 3/03 keatas (Okt 03)*

### **Elaun Persekolahan**

9. (1) Pegawai-pegawai boleh menuntut bayaran Elaun Persekolahan untuk anak-anak mereka yang berumur antara 6 hingga 18 tahun yang bersekolah di tempat selain daripada stesyen mereka bertugas tertakluk kepada kelulusan oleh Setiausaha Kerajaan atau Setiausaha Persekutuan mengikut keadaan menggunakan peraturan-peraturan di bawah Perintah Am Negeri. Kadar Elaun Persekolahan adalah seperti berikut:

- (a) Sekolah Rendah ... .. \$40.00 sebulan
- (b) Sekolah Menengah Rendah ... .. \$50.00 sebulan
- (c) Sekolah Menengah Atas ... .. \$60.00 sebulan.

“ Jika dibuat permintaan oleh waris apabila seseorang pegawai meninggal dunia semasa berkhidmat di luar daripada wilayah asal pegawai, Kerajaan akan menanggung perbelanjaan tambang kapal terbang untuk membawa jenazah pegawai tersebut bagi dikebumikan di kampungnya. Tambang pengangkutan termasuk tambang bagi **semua ahli keluarga yang masih dalam tanggungan pegawai untuk mengiringi jenazah pegawai. Pasangan pegawai atau seorang ahli keluarga kemudian dibenarkan kembali ke tempat pegawai berkhidmat untuk urusan pemindahan barang-barang atas tanggungan Kerajaan.** Bagi maksud perenggan ini “wilayah” ertinya Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak.”

*(Pindaan SPP 3/03 untuk masa (okt 03)*



(2) Elaun tersebut tidak dibayar jika persekolahan anak itu di luar negeri Sabah atau Sarawak, atau menerima biasiswa/dermasiswa Kerajaan yang lebih dari kadar tersebut.

10. Kuatkuasa Pekeliling ini meliputi Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

11. Peruntukan bagi bayaran Elaun Khas Bertugas di Sabah dan Sarawak di dalam Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang berikut adalah dibatalkan mulai dari 1hb Julai, 1978:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1976 perenggan 16;
- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 perenggan 21 Lampiran "D";
- (iii) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977 Perenggan 21 Lampiran "D";
- (iv) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977 Perenggan 21 Lampiran "D";
- (v) Pekeliling Perkhidmatan Tanggagaji Bersih Baharu Badan-badan Berkanun, 1977 Perenggan 21 Lampiran "D";
- (vi) Pekeliling Perkhidmatan Tanggagaji Bersih Baharu Kuasa-kuasa Tempatan, 1977 Perenggan 21 Lampiran "D";
- (vii) Pekeliling Perkhidmatan Tanggagaji Bersih Baharu Badan-badan Berkanun, 1978 Perenggan 21 Lampiran "D".

**TAN SRI DATUK ABDUL AZIZ BIN ZAKARIA,**  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR,

*16hb Jun, 1978.*